




# ETNIK COCOS

KEPERCAYAAN DAN AMALAN TRADISI



Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah



# Sinopsis

Budaya Etnik Cocos menghimpunkan beberapa aspek budaya etnik Cocos bermula dengan sejarah kewujudan etnik ini di Pulau Cocos Keeling sehinggalah penghijrahan mereka ke tempat lain seperti ke North Borneo (Sabah), Singapura dan Australia. Di Sabah etnik Cocos majoritinya mendiami kawasan seperti Tawau, Lahad Datu dan Sandakan. Terdapat juga etnik Cocos di daerah lain seperti di Kota Kinabalu yang berhijrah secara sementara dan kekal atas faktor pekerjaan dan perkahwinan.

# Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang kepercayaan dan amalan turun-temurun yang dimiliki oleh etnik Cocos. Kepercayaan terhadap semangat dan kuasa-kuasa ghaib pernah menjadi punca kepercayaan dan amalan mereka. Oleh itu amalan memuja dan mempersembah dengan niat memperoleh kesejahteraan banyak berkaitan dengan kepercayaan animisme.

Pendedahan dan persekitaran baru telah banyak mengubah paradigma etnik Cocos terhadap aspek-aspek kepercayaan dan amalan tradisi Pulau Cocos. Sedekah bumi, membuat sajen, menggantung ancak, menjaga pendaringan, peluk ayam jantan bagi anak lelaki yang hendak berkhitan, kondangan atau majlis kenduri serta menulung (gotong-royong) adalah amalan tradisi etnik Cocos. Sebahagian besar amalan-amalan tradisi ini telah ditinggalkan dan lebih mempraktikkan penghayatan terhadap amalan Islam.

# Kepercayaan dan Amalan

Pada masa dahulu masyarakat Cocos begitu mengambil berat terhadap unsur-unsur animisme yang berbentuk roh, penunggu dan semangat semula jadi persekitaran. Mereka percaya bahawa roh nenek moyang dan kaum keluarga serta alam semula jadi mempunyai unsur-unsur pengaruh, keajaiban dan boleh menentukan perjalanan kehidupan harian mereka. Roh dan semangat hendaklah dihormati dan dipersembahkan dengan sajian berupa makanan. Amalan menghormati dan mempersembah diterjemahkan dengan melaksanakan dan menyediakan perkara-perkara berikut:-

1. *Sedekah bumi*
2. *Membuat sajen*
3. *Menggantung ancak*
4. *Menjaga pendaringan semasa majlis perkahwinan*
5. *Peluk ayam jantan bagi anak lelaki yang hendak bersunat*
6. *Kondangan atau majlis kenduri*
7. *Menulung*

# Sedekah Bumi

Upacara sedekah bumi merupakan ritual yang membawa makna bersedekah kepada bumi atau niat bersedekah untuk kesejahteraan bumi. Menurut kepercayaan masyarakat Jawa, sedekah bumi bertujuan untuk “menyelamati” atau “menyedekahi” sawah yang dimiliki, agar hasil pertanian melimpah, maka bumi itu diselamatkan dan tidak mengalami gangguan.

Masyarakat Cocos yang berada di Pulau Cocos dan Sabah pernah mengamalkan ritual ini pada setiap tahun dan kondangan (kenduri) merupakan medium perantara ritual tersebut. Kesedaran yang kuat terhadap tuntutan agama Islam menyebabkan etnik Cocos meninggalkan ritual berkenaan. Dalam upacara sedekah bumi, setelah selesai membaca doa, para jemputan akan dijamu dengan hidangan berkat sebagai tanda penghargaan kerana menghadiri upacara tersebut. Pokok kepada upacara ini adalah hidangan berkat yang pelbagai dan diselamatkan dengan doa-doa dan muji. Sebahagian kecil dari berkat ditanam sebagai tanda kesyukuran dan makanan bumi untuk mendapat berkat.

# Sajen atau Sensajen

Sajen ialah sajian berupa barangan persembahan untuk roh dan semangat. Penyediaan sajen etnik Cocos biasanya dilengkapi dengan buah-buahan, garam, gula, tepung dan apa sahaja jenis makanan lain yang digemari oleh nenek moyang. Sajen mempunyai maksud yang sama dengan sesajen dari Pulau Bali dan Jawa. Menulung (bergotong-royong) merupakan pendekatan yang biasa dilihat dalam menyediakan sajen.



*Penyediaan sajen*



*Menulung (bergotong-royong)  
menyiapkan sajen*



*Sajen yang telah disediakan*

# Menggantung Ancak

Menggantung ancak ialah satu upacara memuja yang pada suatu masa dahulu pernah diamalkan dan berhubung kait dengan kepercayaan animisme di Pulau Cocos. Ancak berupa sajian makanan yang diletakkan di tempat atau kawasan yang difikirkan mempunyai penunggu atau semangat seperti jin, mambang dan roh. Oleh kerana amalan ini mempunyai unsur syirik maka amalan ini tidak lagi diamalkan selepas tahun 80-an.



*Persembahan ancak*

# Menjaga Pendaringan

Majlis perkahwinan etnik Cocos tidak lengkap tanpa adanya pendaringan. Pendaringan merupakan bekas yang pada kebiasaanya digunakan untuk menyimpan beras. Sudah menjadi amalan pendaringan sentiasa berisi beras yang mencukupi sepanjang masa. Menurut kepercayaan etnik Cocos pendaringan yang kosong boleh menjejaskan rezeki.

Dalam amalan masyarakat Cocos tempayan merupakan pilihan utama untuk dijadikan pendaringan. Dalam konteks ini pendaringan bertujuan untuk menyimpan bahan-bahan persiapan seperti beras, minyak masak, garam, gula dan barang-barang lain yang diperlukan untuk memasak.

Pendaringan biasanya dikendalikan oleh ketua kemitu atau imam atau pembantu imam. Menjaga pendaringan dalam konteks ini adalah untuk memastikan pendaringan sentiasa lengkap dengan bahan-bahan dan keperluan dalam persiapan majlis perkahwinan dan tidak dicemari oleh anasir-anasir jahat. Amalan menjaga pendaringan juga dipercayai bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak baik (unsur-unsur jahat) dan sebab itu tugas menjaga dan membuka pendaringan dilakukan oleh ketua kemitu.



# *Peluk Ayam Jantan dalam Upacara Bersunat (Khatan)*

Peluk ayam jantan ialah satu ritual masyarakat di Pulau Cocos iaitu apabila kanak-kanak yang hendak disunat (khatan) akan dimandikan pada awal pagi dengan memeluk seekor ayam jantan. Peluk ayam jantan bertujuan bagi mengelakkan pendarahan yang berlebihan semasa berkhatan dan memeluk ayam mungkin membantu mengurangkan tahap kesejukan yang mungkin dialami. Ada pendapat mengatakan memeluk ayam jantan melambangkan keberanian. Upacara berkhatan dilakukan dalam kurungan (kandang) yang dibina daripada kain batik atau apa sahaja yang boleh melindungi kawasan upacara berkenaan. Upacara bersunat diiringi paluan gendang dan bengkong (tok mudim) menggunakan pisau yang diperbuat daripada buluh untuk upacara tersebut. Proses berkhatan selesai apabila bengkong melafazkan perkataan "Tap Saduan".



*Upacara Sunatan*

*Peluk ayam jantan dalam  
upacara mandi bunga anak  
sunatan*



# Kondangan (Majlis Kenduri) dan Tatacara

Tujuan atau niat kondangan atau kenduri mengikut tatacara etnik Cocos dapat diterjemahkan melalui susun atur berkat (juadah) yang terhidang. Susunan yang paling jelas ialah bubur selamatan, berkat nasi putih, berkat nasi begana dan pulut kuning atau rasol. Juadah yang dihidang atau disediakan melambangkan atau menunjukkan niat atau sedekah tuan rumah. Bubur selamatan membawa maksud tuan rumah meminta tuan imam mengirinkan bacaan doa kesyukuran atau doa selamat kepada yang berkenaan serta meminta dimurahkan rezeki. Bagi mereka yang menumpang hajat ia akan disebut satu persatu dan hajat orang menumpang disampaikan melalui bilangan berkat atau rasol yang disediakan. Biasanya bubur selamatan disediakan dalam tujuh pinggan atau bekas. Jumlah tujuh melambangkan tujuh nombor ganjil dan merupakan nombor yang baik dalam kalender Islam. Contohnya malam Lailatul Qadar dihitung dari malam-malam ganjil pada akhir Ramadan.

Setiap kondangan menghidang makanan yang dinamakan berkat nasi putih. Ini bererti tuan rumah berhajat untuk mengirim doa kepada arwah keluarga yang sudah meninggal dunia. Oleh sebab itulah berkat nasi putih hanya disediakan semasa kenduri arwah seperti kenduri arwah 3 hari, 7 hari, 40 hari, 100 hari, ulang tahun pertama, ulang tahun kedua dan 1000 hari. Setiap tahun apabila tiba bulan arwah atau bulan Syaaban kenduri arwah akan diadakan dengan niat untuk mengirinkan doa kepada si mati. Bilangan berkat bergantung kepada kemampuan tuan rumah atau sanak saudara yang menumpang.



*Majlis kondangan*



*Juadah semasa kondangan*

# Kondangan Lebaran (Kenduri Hari Raya)

Etnik Cocos mempunyai satu lagi amalan yang unik iaitu kondangan Lebaran. Biasanya kondangan Lebaran dibuat pada 29 atau 30 Ramadan sebagai tanda kesyukuran setelah menyempurnakan ibadah puasa selama sebulan. Semasa majlis kondangan, nasip (zikir) akan dibaca atau dilagukan dan adat ini masih diamalkan dan dipraktikkan sehingga kini. Bacaan doa semasa kondangan tidak banyak berubah seperti yang diamalkan pada masa dahulu kerana masih menggunakan bahasa Sunda Kuno dan Melayu lama dalam doa mereka.

Majlis perkahwinan juga tidak mengabaikan adat. Penyediaan makanan dan minuman dibuat secara berkumpulan dan secara sukarela oleh penduduk kampung. Mereka berkumpul untuk membantu mendirikan tarop atau tenda (khemah). Pakaian pengantin juga tidak berubah dari dulu hinggalah sekarang sama ada dari segi warna, corak atau aksesori, begitu juga hiasan kepala pengantin lelaki yang dipanggil setangan tanduk dan bagi perempuan dipanggil sanggul bunga dan bunga duit bagi kedua-dua mempelai. Banyak pantang larang pengantin masih diamalkan dan ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bab pantang larang.

# Berkat Nasi Begana

Berkat nasi begana mempunyai maksud yang hampir sama dengan berkat pulut kuning atau rasol, bezanya berkat nasi begana mempunyai skala yang lebih kecil berbanding rasol. Berkat nasi begana biasanya dihidang semasa kenduri guntingan atau setaraf dengannya. Ia juga boleh dianggap sebagai kenduri yang dibuat oleh orang yang kurang berkemampuan sekiranya tidak berkemampuan menyediakan rasol sebagai sedekah. Makanan lain yang disebut sebagai tek-tekan turut disedekahkan bagi mengingati arwah si mati mengikut makanan kesukaannya. Kesemua makanan tersebut dibahagikan kepada semua jemaah yang datang sebagai sedekah.



*Berkat nasi begana*



*Berkat nasi begana*

# Nasi Tumpang atau Rasol

Nasi tumpang atau berkat atau rasol etnik Cocos ialah nasi yang diperbuat daripada pulut kuning berlaukkan ayam panggang dan dihias dengan bunga. Nasi tumpang ialah nasi tumpang yang disediakan untuk majlis-majlis khusus seperti kenduri kesyukuran, kenduri arwah, kenduri naik pangkat atau pindah rumah. Nasi berkat atau rasol juga disediakan semasa majlis perkahwinan, sunatan atau majlis akikah. Pada masa dahulu nasi tumpang atau rasol merupakan sedekah tuan rumah bagi menyampaikan hajatnya.

Nasi tumpang di Jawa mempunyai perbezaan mengikut acara yang diraikan tetapi bagi etnik Cocos, mereka menyediakan nasi tumpang atau rasol secara seragam iaitu nasi kuning diletakkan di atas pinggan atau tampak berbentuk gunung dan di atasnya diletakkan seekor ayam panggang. Tuan rumah akan berniat melalui nasi tumpang berkenaan dan segala doa yang perlu akan dibacakan oleh imam.



*Rasol semasa kondangan*

# Menulung

Menulung membawa maksud membantu keluarga yang mengadakan kenduri-kendara dengan cara menyumbang tenaga dan bahan-bahan keperluan. Bergotong-royong semasa menulung membuat dan menyediakan makanan merupakan amalan sosial etnik Cocos yang diketuai oleh para kemitu perempuan.



*Aktiviti menulung*



*Kemiti dan kaum wanita dalam aktiviti menulung*

*Membuat dodol salah satu aktiviti menulung*





# Penutup

Etnik Cocos merupakan etnik yang menganut agama Islam dan mengamalkan ajaran yang dituntut dalam agama tersebut. Etnik Cocos mempunyai amalan tradisi seperti sedekah bumi, menyediakan sajen, menggantung ancak, menjaga pendaringan semasa majlis perkahwinan, memeluk ayam jantan bagi anak lelaki yang hendak bersunat, kondangan (majlis kenduri) dan menulung. Walau bagaimanapun kepercayaan dan amalan yang berunsurkan animisme telah lama ditinggalkan kerana bercanggah dengan rukun Islam.